

BAHASA MELAYU BRUNEI: PEMANTAP JATI DIRI BANGSA BRUNEI

Oleh

Dr. Haji Jaludin bin Haji Chuchu

Pengenalan

Kertas kerja ini bukan bertujuan untuk mendedahkan kelemahan masing-masing dalam isu polemik bahasa. Namun, kekurangan serta kelemahan isu bahasa ini dapat dijadikan tauladan dalam membina serta memperkukuh lagi bahasa Melayu sebagai pembina bangsa yang bertamadun. Kertas kerja ini terbahagi kepada beberapa bahagian yang dikira penting dalam menangani dan menjadikan bahasa Melayu sebagai pembina bangsa. Bahagian awal kertas kerja ini membincangkan beberapa teori asal usul bahasa Melayu dan huraian tentang teras Melayu sebagai mukadimah kertas kerja.

Seterusnya kertas kerja ini menyorot perkembangan Bahasa Melayu di Brunei dengan melihat tiga zaman yang penting, iaitu zaman sebelum PNB 1959, zaman selepas PNB 1959 dan zaman Era Kemerdekaan. Pendedahan ketiga-tiga zaman ini sangat penting dalam membina dan menjadikan bahasa Melayu sebagai pemangkin jati diri bangsa Melayu umumnya dan bangsa Brunei khususnya.

Bahagian ketiga dan seterusnya akan membincangkan pencapaian dan penghayatan bahasa Melayu di Brunei, dan seterusnya akan ditutup dengan beberapa usulan serta sokongan dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai pembina bangsa.

Mengimbau Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu di Brunei Darussalam

Setiap negara di mana sekalipun, jika mengimbau sejarah bangsa dan bahasa masing-masing akan mendakwa bahawa negara merekalah merupakan tanah asal bagi bangsa dan bahasa yang diperkatakan. Misalnya bahasa Melayu, yang dilihat daripada menulisan-penulisan tentang sejarah asal usul bangsa dan bahasa Melayu yang telah banyak ditulis. Daripada penulis yang mengajukan tanah Asia Tengah hinggalah kepada penulis yang mengajukan pulau Borneo sebagai tanah asal bangsa dan asal usul bahasa Melayu. Kertas kerja ini tidak bertujuan untuk mencari kebenaran tentang asal usul bangsa dan bahasa Melayu, walaupun saya sendiri mengajukan bahawa tanah asal usul bahasa Melayu ialah Pulau Borneo berdasarkan kaedah linguistik sejarawi (Jaludin, 2000). Namun sebagai jalan tengah, sememangnya Melayu itu telah wujud sekian lama pada sekitar kepulauan yang dinamakan KEPULAUAN MELAYU. Yang jelasnya, sebelum alam di kepulauan Melayu ini diterokai dan dijajah oleh orang asing, orang Melayu sudah wujud dengan bahasanya yang tersendiri. Dianggarkan jumlah penutur bahasa Melayu di alam Melayu ini menyamai atau setanding dengan bahasa Inggeris (Collins, 1959). Jika benar anggapan ini, pada pandangan penulis amat pelik dan menghairankan dengan jumlah yang begitu besar mudah dipengaruhi oleh satu bahasa yang asalnya merupakan bahasa penjajah, iaitu bahasa Inggeris.

Perkembangan BMB (Bahasa Biasa dan Bahasa Dalam) di Brunei

Apabila pihak penjajah berjaya menyebarluaskan kuasanya di Negara Brunei, kuasa pemerintah tersebut seolah-olah telah beralih ke tangan penjajah namun, dengan sedikit hak mutlak yang ditinggalkan, iaitu dalam hal adat istiadat dan kedaulatan agama masih lagi di bawah kuasa Negara Brunei. Atas kesedaran Sultan, hak kedaulatan adat dan agama telah diperteguh dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, tiga unsur yang sangat dititikberatkan, iaitu unsur hak keistimewaan Melayu dari segi adat istiadat, bahasa kebangsaan, hak kedaulatan agama Islam sebagai agama rasmi dan cara hidup orang-orang Brunei, serta hak mutlak seorang pemerintah yang

dikenali sebagai Sultan. Ketiga-tiga unsur ini sangat jelas kedudukannya dalam Perlembagaan Negeri Brunei.

Pengiktirafan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi telah tercatat dengan jelas dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959, seperti dalam Bab 82(1) yang mempersyaratkan "*Bahasa rasmi Negeri ialah Bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dengan huruf yang ditentukan oleh Undang2 bertulis*". Perlembagaan ini juga telah membuktikan dengan jelas tentang keprihatinan kerajaan dalam menangani kedaulatan bahasa Melayu. Pelbagai usaha telah dibuat, baik daripada pihak swasta mahupun pihak kerajaan. Pihak rakyat menerima baik pengkanunan martabat bahasa Melayu. Wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu diperteguh lagi apabila diperkanunkan dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959.

Dengan menyedari sekubit kedaulatan adat istiadat Melayu, wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien harus dijadikan panduan serta pengajaran dalam mendaulatkan bahasa Melayu di Brunei Darussalam. Bayangkan jika bahasa Melayu tidak diperkanunkan sebagai bahasa rasmi negara, kewujudan Negara Brunei sebagai sebuah kerajaan Melayu hanya tinggal sebagai kenangan sejarah.

Selepas Perlembagaan Negeri Brunei 1959

Sememangnya akal penjajah sangat jelas dalam memporak-perandakan martabat bahasa Melayu. Hal ini jelas dilihat dalam Perlembagaan Negeri Brunei (PNB) 1959 yang memperuntukkan penggunaan bahasa Inggeris selepas pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Lihat sahaja ceraihan Bab 82(2) "*... Dengan tidak menghiraukan cheraian (1), bahasa Inggeris boleh digunakan bagi semua maksud rasmi selama lima tahun selepas dijalankan bab ini, dan demikian juga selepas itu, melainkan jika undang-undang bertulis telah diluluskan mengubahkan perkara ini*".

Sejak pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Negara Brunei, pelbagai usaha telah dirancang, dan dilaksanakan sama ada daripada pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Sebilangan kecil rakyat dan penduduk di negara ini meragui akan kemampuannya sebagai bahasa ilmu, dan lingua franca dalam pelbagai segi. Golongan ini masih menganggap bahawa bahasa inggeris merupakan bahasa yang ideal dalam pelaksanaan urusan pentadbiran kerajaan. Memang tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan bahasa Inggeris penting dalam berinteraksi dengan dunia luar tetapi penggunaan bahasa Melayu untuk tujuan komunikasi dalam negara seharusnya menggunakan bahasa Melayu. Bahasa Melayu lebih baik digunakan kerana sudah ditakdirkan sejak Brunei ditemui, ia merupakan sebuah negara Melayu, dihuni serta ditadbir oleh orang Melayu. Kenapa harus digunakan bahasa Inggeris dalam mentadbir urusan-urusan kenegaraan yang melibatkan orang-orang Brunei sendiri.

Bahasa Melayu dalam Pendidikan

Penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar di sekolah rendah mahupun sekolah menengah dilihat sangat tidak seimbang jika dibandingkan dengan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar. Lihat Jadual 1 dan 2. Dalam Jadual 1, jika diteliti sepintas lalu, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar adalah sebanyak 35 jam daripada 45 jam, iaitu daripada darjah 1 hingga darjah 3. Sementara itu penggunaan bahasa Inggeris dalam darjah tersebut hanya sebanyak 10 jam daripada 45 jam. Apabila seorang pelajar berada dalam darjah 4 hingga 6, senario penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar sudah berubah dan perubahan ini berlaku kerana sistem pendidikan yang mengamalkan sistem dwibahasa. Dalam darjah 4 hingga 6, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar adalah sebanyak 18 jam berbanding dengan mata pelajaran yang bahasa penghantarnya bahasa Inggeris, iaitu sebanyak 27 jam daripada 45 jam. Ketidakseimbangan pembahagian jam untuk bahasa penghantar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sangat jelas, terutamanya dari sudut kenaikan peratusnya. Secara keseluruhannya, terdapat penurunan sebanyak 37.8% bagi

bahasa penghantarnya bahasa Melayu dan kenaikan sebanyak 37.8% dalam bahasa penghantarnya bahasa Inggeris. Implikasi yang timbul ialah pelajar merasakan ada kejutan yang sangat drastik dari segi pemahaman mata pelajaran yang disampaikan dalam bahasa Inggeris kerana jumlah peratus yang diajarkan kepada mereka semasa dalam darjah 1 hingga 3 adalah 77.8% dalam bahasa Melayu dan 22.2% dalam bahasa Inggeris. Keadaan ini dapat dibandingkan dengan jumlah peratus penyampaian mata pelajaran dalam bahasa Melayu sebanyak 40% dan bahasa Inggeris sebanyak 60% apabila mereka menjejaki darjah 4 dan seterusnya ke darjah 6.

Senario penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris peringkat sekolah menengah juga berlaku ketidakseimbangan pembahagian peruntukan jam untuk bahasa penghantar bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Bermula daripada menengah 1 hingga menengah 3, peruntukan pembahagian masa untuk mata pelajaran yang bahasa penghantarnya bahasa Melayu adalah sebanyak 14 jam daripada 46 jam, iaitu 30.4%. Sementara itu, mata pelajaran yang diajarkan dalam bahasa Inggeris diperuntukkan sebanyak 32 jam daripada 46 jam, iaitu 69.6%. Pada peringkat menengah 4 hingga 5, jumlah peruntukan masa bagi mata pelajaran yang diajarkan dalam bahasa Melayu adalah sebanyak 16 jam daripada 67 jam, iaitu 23.9%, dan mata pelajaran yang diajarkan dalam bahasa Inggeris sebanyak 51 jam daripada 67 jam, iaitu 76.1%. Peratus masa tersebut jelas menunjukkan adanya penurunan peratus iaitu, sebanyak 6.5% dalam bahasa Melayu dan kenaikan peratus dalam bahasa Inggeris, iaitu sebanyak 6.5% (lihat Jadual2).

Kalau dilihat daripada objektifnya, sememangnya ada menunjukkan kejayaan, iaitu usaha untuk menjadikan pelajar-pelajar mengenali dua bahasa dalam sekali gus. Namun, jika diteliti daripada aspek yang lain, senario ini sangat membimbangkan. Kertas kerja ini tidak akan menerangkan selanjutnya kerana ada sebuah makalah lagi yang akan memperdalam senario bahasa Melayu dalam pendidikan negara.

Pencapaian BMB di Brunei

Kebangsaan

Pengalaman Negara Brunei Darussalam dalam menangani isu pendaulatan bahasa Melayu mungkin berbeza daripada negara-negara lain yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Kebanyakan negara apabila sahaja mencapai kemerdekaan, isu yang paling utama ialah hal pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, seperti di Malaysia yang bahasa rasminya ialah bahasa Malaysia, dan Indonesia dengan bahasa Indonesianya. Namun di Brunei, isu pendaulatan bahasa Melayu sudah awal-awal lagi didaulatkan dan telah dijadikan sebagai bahasa rasmi negara sebelum Negara Brunei mencapai kemerdekaannya yang penuh pada 1 Januari 1984. Bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara di Brunei telah mula dimeterai dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959. Sejak itu, berbagai-bagai usaha rancak telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak sektor swasta dan sektor kerajaan, Dewan Bahasa dan Pustaka seolah-olah telah diamanahkan untuk menjunjung serta mendaulatkan bahasa Melayu di Brunei.,

Walaupun sejak didaulatkan sebagai bahasa rasmi negara, terdapat sebilangan masyarakat yang masih ragu akan kemampuan bahasa Melayu yang telah lama digunakan dalam urusan-urusan pentadbiran kerajaan. Jika diimbau atau diimbis kembali pada zaman lampau, iaitu sebelum kedatangan penjajah, persoalan yang timbul ialah bagaimanakah bentuk perhubungan di antara Raja Brunei dengan Raja Sepanyol ketika melawat Brunei jika tidak dengan penggunaan bahasa Melayu? Sebenarnya, pemikiran dan sikap segelintir orang Melayu yang meragui akan kemampuan bahasa Melayu itu perlu diubah dan bukannya semata-mata mempersoalkan akan kemampuan bahasa Melayu di arena antarabangsa. Satu jalan yang paling berkesan ialah penggunaannya serta usaha menimbulkan rasa hormat terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa orang Melayu dalam semua aspek kehidupan. Mempelajari bahasa Inggeris tidaklah dilarang malah digalakkan, tetapi segala ilmu dan pengetahuan yang diperoleh dalam bahasa Inggeris harus dimelayukan kembali untuk dinikmati dan

dikembanguaskan dalam bahasa Melayu sehingga nanti bahasa Melayu itu mampu berkembang serta menjadikannya sebagai satu bahasa yang dihormati, disegani malah dipelajari.

Sebenarnya usaha membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sudah lama terjadi di dunia antarabangsa. Hal ini terbukti apabila sekarang telah wujud pengajian bahasa Melayu di universiti-universiti antarabangsa yang selama ini menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama. Di Amerika, Jerman, Australia, China (lihat laporan Collins) telah lama mewujudkan pengajian bahasa Melayu kerana mereka menyedari bahawa di alam Melayu ini masih banyak lagi yang perlu diteliti demi perkembangan ilmu masing-masing. Tegasnya, kita sebagai orang Melayu harus meletakkan bahasa Melayu sebagai fungsi utama dalam kehidupan seharian dan menyemarakkan semangat perlembagaan serta mendukung hasrat kerajaan.

Walaupun saiz Negara Brunei adalah kecil, namun secara linguistiknya bahasa-bahasa yang dituturkan boleh dikatakan sangat kompleks. Terdapat lebih daripada 10 bahasa yang dituturkan di Brunei Darussalam, iaitu bahasa Brunei, Kedayan, Tutong, Belait, Murut, Bisaya Dusun, Iban, Lemeting dan Miriek. Setiap bahasa tersebut mempunyai variasi-variasinya yang membentuk dialek-dialek yang tersendiri. Dari sekian banyak bahasa, bahasa Brunei atau bahasa Melayu Brunei telah dijadikan bahasa lingua franca bagi semua penuturnya. Bahasa Melayu Brunei sudah diangkat martabatnya sebagai bahasa perhubungan antara kaum etnik yang ada di Brunei.

Pernyataan yang terkandung di bawah Perlembagaan Negeri Brunei 1959 telah diperkuat serta dipertegas melalui Pengisytiharan Kemerdekaan Negara Brunei pada 1 Januari 1984 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam titah baginda pada hari Pemasyhuran Hari Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam. Dalam titah tersebut, antara lain yang dinyatakan bahawa:

"... Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kurnia Allah Subhanahu Wata'ala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi

sebuah negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahlussunnah Waljama'ah dan dengan berasaskan keadilan dan kebebasan ...".

Dalam hal ini, baginda Sultan seakan-akan menyedari betapa pentingnya Melayu dan meletakkan Melayu sebagai salah satu inti ;mm falsafah negara kerana dikhuatiri akan kehilangan dan pelepasan nilai-nilai Melayu. Selain daripada Dewan Bahasa dan Pustaka yang menjadi wakil kerajaan dengan menganggotai MABBIM, satu jawatankuasa kebangsaan juga telah dibentuk bagi menangani masalah Melayu umumnya dan falsafah negara khususnya dan Majlis Tertinggi Kebangsaan Melayu Islam Beraja. Majlis ini difikirkan dapat bekerjasama secara langsung tidak langsung dalam menangani isu-isu adat, budaya dan bahasa Melayu.

Antarabangsa

Sudah tiba masanya bagi kita orang Melayu, termasuklah para penulis supaya bangun daripada tidur, tersedar daripada mimpi dan menghadapi kenyataan bahawa bangsa dan bahasa Melayu kita ini rupanya sudah setanding dengan bahasa Inggeris. Sudah tiba masanya juga bagi kita yang bergelar Melayu memperjuangkan Melayu ke tahap arena antarabangsa dalam apa jua disiplin. Alhamdulillah, setakat yang penulis ketahui dan sedari, bahawa perjuangan dalam memartabatkan bahasa Melayu ke arena antarabangsa di abad ini sangat jelas. Kalau dulu wira-wira Melayu seperti Pengiran Shahbandar di Brunei, Hang Tuah di Malaysia, dan Dipo Negoro di Indonesia merupakan wira-wira yang mempertahankan kedaulatan agama, bangsa dan negara masing-masing, tetapi kini telah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam mengharungi dunia globalisasi dan terkini yang didedahkan dengan pelbagai ciptaan e-dunia. Setiap orang di dunia ini tidak menolak akan budaya elektronik atau budaya internet dalam menyebarkan ilmu, penemuan-penemuan, malah pemasaran strategik yang saling tembus-menembus di arena antarabangsa. Misalnya, kalau dulu, ilmu-ilmu di dunia Melayu seperti ilmu

perubatan tradisi hanyalah dapat ditembusi melalui perubatan dari individu ke individu yang lain dan diketahui oleh sebilangan kecil sahaja oleh dunia luar. Namun, sekarang dengan kaedah laman web, pengetahuan tentang perubatan tradisi dapat dicapai atau melepasi dunia antarabangsa dengan sekelip mata sahaja. Sudah tiba masanya segala bentuk kebudayaan yang ada di dunia Melayu ini dapat dilayari dalam laman web. Banyak bentuk kebudayaan Melayu seperti kesusasteraan (hal ini sudah dikemaskinikan dalam laman web), profil-profil bahasa dan dialek Melayu yang ada di alam Melayu ini dapat dikemaskinikan dalam laman web supaya selain daripada menjadi kepupusan serta kehilangan khazanah Melayu, dapat juga membantu para penyelidik, orang awam untuk mengenal dan mengetahui bahawa wujudnya ribuan profil bahasa dan dialek Melayu yang tidak dikenali.

Penghayatan BMB di Brunei

Status Bahasa Melayu jika dilihat melalui pengalaman Negara Brunei sangat unik sekali. Selain daripada termeterainya dalam Perlembagaan Negeri Brunei 1959 dan kemudian diperteguh lagi dengan konsep Melayu Islam Beraja sebagai falsafah negara mulai 1984, martabat bahasa dan bangsa Melayu telah diangkat setinggi-tingginya dengan berteraskan nilai-nilai Islam sebagai pelengkap dan konsep beraja sebagai sistem pemerintahannya. Kini, selain daripada memperkenalkan mata pelajaran Melayu Islam Beraja sebagai gantian mata pelajaran sivik di sekolah rendah dan mata pelajarannya yang tersendiri, iaitu MIB di peringkat sekolah menengah, Universiti Brunei Darussalam sejak tahun 1990 telah memperkenalkan juga kursus Melayu Islam Beraja kepada semua mahasiswa dan mahasiswinya. Kursus ini bukan sahaja setakat pengenalan malah merupakan sebuah kursus wajib lulus di universiti. Antara isi kandungan kuliah MIB ini, antara lain ialah menekankan betapa pentingnya konsep dan nilai-nilai Melayu diperteguh dan diamalkan. Malah, adalah diharapkan konsep Melayu dalam MIB dapat dipraktikkan dalam semua urusan kehidupan bermasyarakat, berbangsa, beragama, dan bernegara. Melalui pengalaman yang teguh ini nanti, segala bentuk tekanan dunia

globalisasi dapat dikurangkan kesannya pada tahap yang minimal dan menerima segala bentuk yang baik berlandaskan nilai-nilai leluhur MIB.

Sebagai contoh, pengalaman nilai-nilai leluhur MIB dalam pentadbiran kerajaan ialah dengan memperkenalkan slogan TPOR: Tekad Pemedulian Orang Ramai. Jika TPOR ini berjaya dilaksanakan sebagaimana dalam garis panduannya, insya-Allah semua permasalahan yang dihadapi dalam sektor kerajaan dengan orang awam akan dapat diselesaikan pada tahap yang semaksimum mungkin. Tidak mustahil juga jika dilaratkan ke dunia antara-bangsa. Saya penuh yakin bahawa bangsa Melayu umumnya dan bangsa Brunei akan digalati dan disegani. Misalnya, kejayaan APEC 2000 baru sahaja selesai diadakan dengan jayanya di Brunei yang berlandaskan cara berfikir MIB. Dalam konsep falsafah negara, MIB merupakan tunjang utama dalam pembentukan jati diri bangsa Melayu di Brunei. Kefahaman dan pemahaman yang sebenar terhadap konsep falsafah negara ini telah benar-benar membawa kejayaan dalam apa jua kegiatan yang dianjurkan di Brunei Darussalam, baik kegiatan keagamaan, sosial mahupun hubungan kerjasama di kalangan negara-negara jiran.

Penutup

Daripada gambaran di atas, ternyata bahawa Bahasa Melayu Brunei telah mengalami berbagai-bagai rintangan serta kendala ke arah pembentukan yang mantap baik di Negara Brunei sendiri mahupun dalam usaha menyatukan dan menyelaraskan pada peringkat antarabangsa seperti pergerakan MABBIM, dan yang terkini adalah usaha MASTERA dan MABM.

Jika ditinjau dari sudut sejarah bangsa dan bahasa Melayu, baik di Nusantara mahupun di Negara Brunei Darussalam sendiri, tidak ada sebab kenapa Bahasa Melayu harus diabaikan dan tidak diambil perhatian yang serius. Natijahnya, BMB meniti arus perkembangan dengan dukungan daripada pihak DBP dan pihak agensi kerajaan yang alpa dengan perkembangan masing-masing. Padahal jika disorot martabat BMB, saya kira BMB mampu

bersaing sesuai dengan arus permodenan yang lain dengan mengambil iktibar dari Negara Jepun. Saya bukanlah hendak mengagung-agungkan kejayaan Jepun tetapi sekurang-kurangnya kejayaan Jepun harus dicontohi dengan cita rasa, adunan, serta calak Brunei untuk mempertingkat lagi arus pemodenan di Brunei. Pada suatu ketika dahulu, Negara Jepun dianggap sangat mundur dalam pelbagai aspek. Kini, dunia amat terkejut dengan perkembangan drastik Negara Jepun dari segi teknologi. Sejak peletupan born atom di Jepun, negara ini tidak lagi mahu menakluki negara lain melalui ketenteraan, tetapi telah membuktikan kejayaannya menakluki dunia melalui teknologinya. Kini, ramai cendekiawan dan saintis mula mempelajari teknologi tersebut, namun pada hakikatnya, Jepun mengamalkan dasar kebangsaan, iaitu meletakkan bahasa Jepun sebagai suatu perkara yang wajib dituntut sebelum mendalami teknologinya. Teknologinya tidak dapat dipelajari tanpa menguasai bahasa Jepun. Usaha ini bukan sahaja melambangkan kejayaannya menakluki dunia teknologi tetapi juga berjaya memperkenalkan bangsanya, iaitu bangsa Jepun.

Fenomena di atas boleh dijadikan panduan untuk memajukan bahasa dan bangsa Melayu. Di negara Melayu umumnya dan Negara Brunei khususnya, terdapat banyak sumber yang dapat diketengahkan. Perkara yang penting ialah kepercayaan kepada diri sendiri, dan kepercayaan dalam meningkatkan jati diri sendiri harus dipertimbangkan. Usaha kita dalam memperkenalkan serta mengetengahkan hasil yang kita peroleh, walau sekelumit mana pun merupakan satu tanda kejayaan kita sebagai bangsa Melayu yang bermaruah, berinovatif dan berwawasan tinggi. Tidak salah kalau kita mencedok ilmu di luar negara yang bukan Melayu, asalkan ilmu tersebut dapat dimanfaatkan dan diaplikasikan dengan calak bangsa Melayu sendiri umumnya dan calak kebruneian khususnya. Agama Islam sendiri menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu seberapa banyak yang boleh sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w. yang mensyariatkan penganutnya untuk menuntut ilmu walau ke negara China. Cuba kita fahami dan mendalami hadis tersebut.

Pernah suatu ketika dahulu, teman-teman saya menyuarakan dan menyoal saya tentang kewibawaan bahasa Melayu berbanding dengan bahasa kolonial.

Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa kolonial tidak boleh diabaikan kerana dikatakan mengandungi banyak maklumat terkini, tetapi kita boleh mengimbas kembali bahasa yang terdapat dalam al-Qur'an. Dalam al-Qur'an jelas dinyatakan bahawa konsep pelbagai ilmu banyak terkandung di dalamnya. Sebagai contoh, perjalanan Rasulullah s.a.w. ke langit di alam kisah Israk dan Mikraj, sampai sekarang cendekiawan Barat masih belum lagi dapat mengatasinya. Oleh itu, kenapa masih mengagungkan ilmu sekular? Pengalaman Negara Brunei Darussalam menyamai pengalaman negara-negara di alam Melayu ini yang mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Penggunaan bahasa Melayu di Negara Brunei Darussalam, sudah jelas sebagaimana yang terkandung dalam ?NB 1959 sebagai bahasa rasmi negara, bahkan dalam titah DYMM juga, memperlihatkan tahap keseriusan terhadap, penggunaan bahasa Melayu sebagai salah satu pemangkin jati diri bangsa Brunei. Namun, terdapat juga segelintir manusia yang mengabaikan titah berkenaan. Misalnya, PNB 1959 telah memperuntukkan dan menekankan penggunaan bahasa Melayu dalam' hal-hal rasmi kerajaan, baik dalam mesyuarat mahupun dalam perlaksanaannya, haruslah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Namun, terdapat juga segelintir penutur bahasa Melayu yang menggunakan bahasa kolonial dalam mesyuarat, ; walhal semua ahli yang menghadiri mesyuarat tersebut terdiri' daripada bangsa Melayu yang saya kira mampu berbahasa Melayu. Di manakah letaknya kewibawaan bahasa Melayu di sini?